

# HIKAYAT MAT JENIN

TEMA

## **Kegigihan menempuhi cabaran hidup**

Mat Jenin tabah dan sabar menghadapi dugaan dalam kehidupannya. Walaupun telah kematian ayah dan ibunya semasa berusia 5 tahun, dan kematian nenek ketika berumur tujuh tahun serta diejek kawan-kawan di sekolah, dia tidak berputus asa untuk berjaya dalam hidupnya.

PERSOALAN

### **1. Anak yang malang.**

Mat Jenin kematian ibu bapa ketrika berusia 5 tahun dan neneknya meninggal 2 tahun kemudian. Dia menjadi mangsa ejekan kawan-kawan di sekolahnya kerana nama yang sama dengan Mat Jenin yang mati jatuh dari pokok kelapa kerana berangan-angan untuk berkahwin dengan puteri raja.

### **2. Manfaat daripada pengamalan nasihat yang baik.**

Mat Jenin mendapat nasihat yang baik daripada Cikgu Rosli dan Haji Sapudin. Cikgu Rosli menasihati Mat Jenin supaya belajar berniaga dengan bekerja dari bawah dahulu. Haji Sapudin pula menasihati Mat Jenin supaya mempelajari selok belok perniagaan terlebih dahulu sebelum menjadi ahli perniagaan yang berjaya.. Segala nasihat itu dipatuhi hingga Mat Jenin berjaya menjadi pengusaha restoran yang terkenal.

### **3. Sikap sabar dalam menempuh masalah hidup**

Mat Jenin sabar menerima ejekan kawan-kawannya di sekolah. Dia juga bersabar apabila restorannya tidak maju pada peringkat permulaan. Dia terus berusaha sehingga mencapai kejayaan.

### **4. Pendidikan tinggi bukan jaminan kejayaan hidup**

Mat Jenin berjaya menjadi pengusaha restoran yang berjaya walaupun dia berkelulusan setakat tingkatan tiga sahaja. Kejayaan itu bermula dengan sikap berani mencuba, rajin, jujur dan bijak bertindak menyelesaikan masalah.

### **5. Pentingnya pengalaman untuk mencapai kejayaan.**

Mat Jenin banyak belajar daripada pengalaman Haji Sapudin menguruskan restoran sehingga berjaya mengusahakan restorannya sendiri.

### LATIHAN – HIKAYAT MAT JENIN

1. Nyatakan teori yang diluahkan oleh Cikgu Rosli .

---

---

2. Apakah kesudahan cerita Hikayat Mat Jenin ?

---

---

---

3. Dimanakah Mat Jenin bekerja ?

---

4. Mengapakah Mat Jenin terperanjat pada hari pertama restorannya dibuka ?

---

---

5. Apakah tawaran Cikgu Rosli kepada Mat Jenin ?

---

6. Pada pendapat anda , apakah faktor utama untuk maju dalam perniagaan ?

---

---

---



